

**Company Name** : Alam Maritim Resources Berhad  
**Date** : 29 July 2015  
**Source** : Berita Harian

**ALAM MARITIM (M) SDN BHD**

## **Peroleh kontrak PETRONAS**

**Alam Maritim (M) Sdn Bhd**, unit Alam Maritim Resources Bhd memperoleh kontrak pembaikan dan penyenggaraan struktur zon splash bernilai RM6 juta daripada PETRONAS Carigali Sdn Bhd.

Dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia, syarikat itu berkata kontrak berkenaan ialah bagi tempoh dua tahun, berkuat kuasa 8 Jun 2015, sehingga 7 Jun 2017, dengan pilihan lanjutan setahun, daripada 8 Jun 2017 hingga 7 Jun 2018.

Kontrak itu dijangka memberi sumbangan positif kepada pendapatan dan aset ketara bersih syarikat bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2015 dan selanjutnya.